

Hospital Universiti UNIMAS sepenuhnya dimanfaatkan

KUCHING: Sebuah Hospital Universiti di bawah Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) yang turut akan menyediakan perkhidmatan kepakaran telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan.

Kerajaan Kementerian Kesihatan tidak bercadang untuk menambah jumlah pembinaan hospital di Kota Samarahan berikutan dengan Hospital Universiti di bawah UNIMAS yang telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan tersebut.

Hal ini telah didekahkan oleh Menteri Muda Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi Sarawak, Dr. Annuar Rapaei sewaktu menjawab pertanyaan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Muara Tuang, Dato' Idris Buang pada sesi pertanyaan bagi jawapan lisan Mesyuarat Ketiga Bagi Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak Kelapan Belas di DUN, Sarawak, semalam.

Menurut beliau, kerajaan mempunyai perancangan untuk menaik taraf

pusat hemodialisis di Pusat Jantung Sarawak, Kota Samarahan dengan menambah lima mesin dialisis yang baharu dan ini menjadikan keseluruhan mesin di pusat dialisis tersebut berjumlah 20 mesin.

"Dengan pertambahan mesin ini, ia mampu menampung pertambahan bilangan pesakit buah pinggang di kawasan tersebut.

"Di samping itu, pihak National Kidney Foundation (NKF) telah bercadang untuk membina sebuah fasiliti hemodialisis di Kota Samarahan selari dengan peningkatan jumlah pesakit," ujarnya.

Mengulas lebih lanjut, pusat hemodialisis tersebut telah lulus pemeriksaan Jabatan Bomba dan Penyelamat dan kini sedang menunggu pemeriksaan serta pelesenan daripada pihak Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS), Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak untuk beroperasi.